

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2026

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

Julai 2026

2 jam 30 minit



Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian : Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. *Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata kerja aktif tak transitif**. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap **kata kerja aktif tak transitif** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Dalam kalangan masyarakat ASEAN, bahasa Melayu telah berfungsi sebagai alat komunikasi yang membantu penutur daripada pelbagai latar belakang etnik dan budaya untuk berhubung antara satu sama lain. Namun, ada beberapa cabaran yang perlu dihadapi agar bahasa ini terus berperanan sebagai alat komunikasi utama pada peringkat antarabangsa. Satu daripada cabaran utama penggunaan bahasa Melayu sebagai lingua franca ialah kepelbagaian dialek dan varian bahasa yang wujud dalam kalangan penuturnya. Perkara ini boleh menyebabkan kekeliruan dan kesukaran dalam komunikasi antara penutur yang berasal dari pelbagai kawasan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa Melayu Menyongsong Cabaran sebagai Lingua Franca Global'
Dewan Bahasa, Bil. 02/2025

[8 markah]

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan songsang** yang bergaris kepada **ayat bersusunan biasa** tanpa mengubah maksud asalnya.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif, termasuk Dasar Orang Kurang Upaya Negara serta Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya. Walaupun pelbagai dasar dan inisiatif telah digubal, jurang penyertaan golongan OKU dalam sektor pekerjaan masih ketara. Sebilangan besar golongan OKU bekerja dalam sektor tidak formal atau terlibat dalam pekerjaan sementara dengan pendapatan yang rendah. Sering kali tidak diberikan perhatian yang sewajarnya isu pengangguran dalam kalangan OKU. Ketiadaan akses kepada peluang pekerjaan yang adil menyebabkan mereka masih terperangkap dalam kitaran kemiskinan. Perlu ditangani masalah ini agar hak OKU dapat dibela.




Dipetik dan diubah suai daripada
'Memperkasakan Sosioekonomi Orang Kurang Upaya melalui Dasar Inklusif'
oleh Mohd Ridwan Abd Razak dan Subramaniam a/l Kolandan,
Dewan Ekonomi, Bil. 08/2025

[6 markah]

 SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

RAWATAN TELINGA • Alatbantu pendengaran dan alat implan koklea merupakan dua kaedah rawatan yang dapat bantu masalah kurang pendengaran para pesakit. 	TEKNOLOGI DALAM PERUBATAN  RAWATAN SKOLIOSIS Pendakap Skoliosis yang pesakit pakai merupakan salah satu cara untuk merawat masalah tulang belakang yang bongkok.	RAWATAN JANTUNG Mesin ekokardiografi membantu para doktor melakukan peperiksaan jantung para pesakit. Mesin ini dapat mendaagnosis keadaan jantung pesakit dengan berkesannya. 
--	---	---

[5 markah]

Bahan 2

Kemajuan teknologi pada era digital memberikan impak tinggi dalam pengendalian kesihatan mental khususnya di kalangan remaja. Terdapat pelbagai-bagai aplikasi telefon pintar yang membantu pengguna memantau perasaan atau emosi harian, mencatat pemikiran negatif, mengajar teknik pernafasan dan menyediakan sesi meditasi ringkas. Aplikasi sebegini memberikan ruang yang selamat kepada remaja demi untuk memahami emosi mereka dengan lebih teratur.

Selain aplikasi mudah alih, kecerdasan buatan semakin banyak digunakan dalam penjagaan kesihatan mental. Teknologi ini mampu menganalisa perubahan suara, gaya penulisan atau corak kegunaan telefon untuk mengesan tanda awal kemurungan atau kebimbangan. Data ini membantu pakar mengenal pasti risiko dengan lebih cepat dan tepat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Inovasi Teknologi dalam Kesejahteraan Mental'
Dewan Siswa Bil. 02/2026

[6 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Hatta, maka orang Siam pun datanglah, lalu perang dengan orang Melaka. Ada beberapa lamanya berperang, maka banyaklah rakyat Siam yang mati, Melaka tiada alah. Maka rakyat Siam pun kembalilah, seraya ia pulang segala rotan ikat barang-barangnya semuanya dicampakkannya di hulu Muar.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, isikan tempat-tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai mengikut situasi.*

Amir dan Abas merupakan sahabat baik sejak zaman kanak-kanak. Hubungan mereka amat akrab dan sentiasa bersama-sama bagai(i)..... Walaupun akrab, mereka mempunyai cita-cita dan impian yang berbeza kerana(ii)Setelah keputusan SPM diumumkan, mereka berdua telah memperoleh keputusan yang sangat cemerlang. Abas ditawarkan untuk menyambung pengajian ke luar negara, manakala Amir pula mendapat tawaran di universiti tempatan. Perbezaan ini menyebabkan Amir berasa cemburu sehingga menyebabkan persahabatan mereka menjadi renggang. Hubungan mereka(iii)kerana mereka tidak dapat berbaik-baik semula.

[6 markah]



BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Caklempong merupakan alat muzik tradisional yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil. Alat ini diperbuat daripada gangsa menggunakan teknik acuan. Kini, caklempong dimainkan dalam pelbagai situasi seperti dalam upacara perkahwinan, perasmian majlis dan keraian malahan turut menjadi muzik iringan bagi pencak silat dan tarian.

Dahulu, apabila bermain caklempong setiap pemain memegang alatan caklempong dalam keadaan menegak dengan menggunakan sebelah tangan. Selain itu, pemain juga boleh bermain caklempong menggunakan teknik duduk iaitu pemain bersila secara berhadapan dengan satu set caklempong yang diletakkan di atas lantai. Setelah melalui *tempoh penyelidikan* yang agak lama, caklempong diberikan susunan baharu berbanding dengan susunan diatonik ketika awal kemasukannya ke Tanah Melayu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan'

Bahan 2

Di Malaysia, caklempong diperkenalkan ke Negeri Sembilan pada abad ke-14 oleh masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat. Mereka berhijrah ke Tanah Melayu untuk berdagang dan akhirnya menetap di sini. Disebabkan ramai orang Minangkabau tinggal di Negeri Sembilan, permainan muzik caklempong diiktiraf sebagai muzik tradisional negeri ini. Kini, seni muzik caklempong telah berkembang ke negeri-negeri lain dan diajar di sekolah serta institusi pengajian tinggi. Caklempong digunakan dalam muzik nobat iaitu sejenis orkestra tradisional yang diadakan semasa upacara istiadat diraja iaitu pemain muzik memainkan peranan penting untuk mengiringi tarian tradisional. Selain itu, caklempong dimainkan semasa upacara pertabalan sultan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Muzik Caklempong'
<http://caknawanumk.edu.my>

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *tempoh penyelidikan*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, muzik caklempong dimainkan dalam pelbagai majlis.
Nyatakan majlis-majlis tersebut. [3 markah]
- (iii) Muzik tradisional caklempong semakin dilupakan oleh masyarakat kini terutamanya golongan remaja.
Pada pendapat anda, apakah punca-puncanya? [3 markah]
- (iv) Sekolah anda akan mengadakan sambutan Hari Kebudayaan Peringkat Sekolah. Persembahan muzik tradisional merupakan salah satu acara bagi memeriahkan sambutan itu. Namun, tiada murid yang berminat untuk menyertainya.
Sebagai guru penyelarass program, berikan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk menarik minat murid bagi menyertai persembahan tersebut. [4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Malam itu, bilik Aiman hanya diterangi cahaya skrin komputer riba. Bunyi ketukan papan kekunci menjadi irama yang menemaninya. Sejak kecil, Aiman begitu teruja dengan dunia teknologi. Baginya, setiap ciptaan baharu ialah pintu ke alam yang tidak pernah dijelajahi.

Aiman sering teringat kata-kata gurunya. "Teknologi ibarat pisau, boleh digunakan untuk memasak atau melukai." Suatu hari, Aiman ditugaskan menyiapkan projek aplikasi pendidikan untuk sekolahnya. Dia mahu murid-murid di kawasan luar bandar dapat belajar dengan lebih mudah melalui telefon pintar. Walaupun berdepan cabaran kekurangan capaian Internet, Aiman tidak berputus asa dan merancang aplikasi interaktif yang menarik. Ketika aplikasi itu mula digunakan, wajah ceria murid-murid terpancar. Aiman berasa puas kerana teknologi yang dicipta bukan sekadar untuk keseronokan, tetapi menjadi jambatan ilmu.

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen *Jejak Hati*
oleh Ain Liyana

Bahan 2

- Orked : Saya sering berasa sukar untuk mengulang kaji pelajaran kerana kekurangan bahan rujukan. Buku teks yang ada sudah lusuh dan perpustakaan kampung agak jauh dari rumah saya.
- Cikgu Rafzie : Cikgu ada berita gembira. Sekolah kita bertuah kerana telah terpilih untuk mendapat bantuan komputer riba khususnya untuk kegunaan anak-anak Tingkatan 5.
- Orked : Wah, dengan komputer riba nanti, pelbagai aplikasi boleh digunakan untuk mengulang kaji semua topik pelajaran! Tak perlu tunggu buku teks baharu.
- Cikgu Rafzie : Baguslah, Orked. Gunakan teknologi untuk belajar. Jangan leka dengan hiburan semata-mata.
- Orked : Baiklah cikgu. Dengan hanya beberapa sentuhan, saya dapat mengakses nota, video interaktif, dan latihan kuiz. Seronoknya, saya boleh mencari maklumat terkini dengan mudah!

Dipetik dan diubah suai daripada drama *Harga Sebuah Kepercayaan*
oleh Dhiya Niza

Bahan 3**PANTUN CELIK DIGITAL**

Pohon beringin tumbuh di sana,
Tempat berteduh si burung dara;
Teknologi diguna dengan bijaksana,
Ilmu bertambah kehidupan sejahtera.

Indah pemandangan di pinggir hutan,
Pohon rumbia tumbuh di paya;
Jika dimanfaatkan penuh kesedaran,
Setiap insan kian berjaya.

Kalau pergi ke pasar malam,
Singgah membeli air kelapa;
Teknologi pantas merentas alam,
Manusia alpa tidak menyapa.

Nick Ziella
Kampung Muzaffar

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah cabaran-cabaran yang dialami oleh Orked untuk mengulang kaji pelajaran? [2 markah]
- (ii) Merujuk **semua bahan**, nyatakan kepentingan-kepentingan teknologi. [4 markah]
- (iii) Teknologi pada masa ini memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia kerana mampu memudahkan urusan seharian. Namun begitu, terdapat segelintir remaja yang menyalahgunakan teknologi.
Huraikan punca-punca tersebut. [3 markah]
- (iv) Rakan anda ingin menghantar karya untuk menyertai Sayembara Penulisan Puisi. Dia telah memplagiat iaitu mengambil jalan mudah dengan menyalin hasil kerja orang lain sebagai hasil kerja sendiri. Sikap ini bukan sahaja menjejaskan integriti malah mengikis nilai-nilai murni dalam diri individu.
Sebagai seorang rakan yang bertanggungjawab, huraikan langkah-langkah untuk mengubah sikap rakan anda. [4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Perasaan mereka semakin bertambah berdebar. Mereka bertiga tidak mempunyai pengalaman ditemu duga. Masing-masing kelihatan resah tetapi cuba berlagak tenang. Adnan turut berasa debar walaupun dia sudah ada pengalaman ditemu duga ketika menjadi guru pelatih. Harapannya amat tinggi. Pengalaman yang baru ditempuhi untuk sampai ke kem tersebut bukan mudah. Jadi dia tidak mahu mengalah dengan mudah. Dia akan melakukan dengan bersungguh-sungguh untuk mengejar cita-cita yang diimpikan. Giliran Adnan tiba. Namanya dipanggil masuk ke dalam bilik temu duga. Lebih kurang sepuluh minit kemudian, Adnan keluar dengan wajah ceria. Senyumannya terukir tanda puas. Mamat memerhati dengan penuh debaran.

"Macam mana dengan temu duga tadi? Apa yang mereka tanya?" tanya Mamat ingin tahu.

"Kau janganlah risau sangat, Mamat. Bawa bertenang," jawab Adnan sambil tersenyum.

"Mahu aku tak risau. Takut kalau-kalau soalan mereka nanti aku tak boleh jawab," katanya gelisah.

Dipetik daripada novel *Leftenan Adnan*
karya Abdul Latip bin Talib,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Mengapakah mereka berasa berdebar-debar?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Nor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd. Yusop
- (h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan. Kemudian, buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal setiap bahan.

Bahan 1

Kewarganegaraan digital merujuk hak, kewajipan dan identiti yang terbentuk dalam konteks dunia digital. Konsep ini muncul dalam pelbagai bentuk, memberikan kesan kepada kehidupan seharian masyarakat secara keseluruhan. Dengan kesedaran dan tanggungjawab yang betul, kita dapat membentuk dunia digital yang lebih inklusif, adil dan berdaya saing.

Apabila kewarganegaraan digital dimanfaatkan, rakyat Malaysia dapat menyertai perbincangan politik melalui media sosial. Contohnya, semasa pilihan raya umum, perbincangan mengenai calon dan parti politik, kempen dan debat membanjiri platform seperti Thread dan Facebook. Ahli politik menggunakan media sosial untuk berkempen dan berinteraksi secara langsung dengan pengundi. Kewarganegaraan digital membolehkan rakyat untuk memeriksa kesahihan maklumat yang disebarkan oleh ahli politik. Dalam konteks ini, isu keselamatan data semakin penting. Peningkatan penggunaan teknologi, menuntut rakyat memahami hak mereka terhadap data peribadi dan berusaha memperkukuh kewarganegaraan digital. Oleh itu, rakyat perlu melibatkan diri dalam kempen kesedaran seperti Bulan Kesedaran Siber agar pengetahuan tentang keselamatan siber dapat ditingkatkan.

Malaysia juga merupakan negara berbilang kaum dan agama di bawah institusi raja berperlembagaan yang mempunyai peranan penting dalam budaya dan politik. Isu-isu berkaitan raja, kaum dan agama adalah sangat sensitif dan memerlukan pendekatan kewarganegaraan digital yang beretika dan bertanggungjawab. Kewarganegaraan digital membantu rakyat memperoleh maklumat berkaitan aktiviti dan kenyataan yang dikeluarkan oleh raja-raja. Namun begitu, laporan ini perlu dilakukan dengan berhati-hati untuk mengelakkan salah tafsir dan penghinaan yang boleh mencetuskan ketegangan.

Kewarganegaraan digital melibatkan pembentukan komuniti dalam talian bagi membolehkan individu yang mempunyai minat yang sama berkongsi pengetahuan dan pengalaman melalui forum pendidikan. Dunia digital mendedahkan kita kepada pelbagai risiko yang akan mengancam keselamatan diri, keluarga, masyarakat, mahupun negara. Masyarakat seharusnya mendapatkan pengetahuan tentang keselamatan dalam talian dengan menggunakan kata laluan yang kuat, mengenal pasti penipuan dalam talian dan melindungi data peribadi. Oleh itu, semua pihak berperanan bagi menentukan hala tuju kewarganegaraan digital ke arah kehidupan yang lebih selamat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kewarganegaraan Digital: Realiti Baharu dalam Era Teknologi'
oleh Shafezah Abdul Wahab,
Dewan Masyarakat, Bil.12/2024



Bahan 2



Bahan 3

SULUH ILMU DI ALAM MAYA

Hendak belayar ke Pulau Tidung,
Mencari tenang sesak di dada;
Jaga bahasa di ruang berhubung,
Budi pekerti cerminan minda.

Tinggi melangit si pohon jati,
Tempat bersarang kawanan lebah;
Berita diterima belumlah pasti,
Sahkan fakta sebelum dihebah.

Singgah sebentar di Pulau Balan,
Bersenda gurau mengubat sepi;
Kewarganegaraan digital jadi amalan,
Ilmu diperoleh tiada bertepi.

Mawar Aini
Pinggiran KLIA

KERTAS SOALAN TAMAT



SERTAI TELEGRAM @exercise_students